

www.terengganu-inc.com

BULETIN
TERENGGANU
INCORPORATED
HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT



TERENGGANU INC
200601005493 (725242-P)

IMBASAN
2022

MENGHADAPI PERUBAHAN:
KE ARAH MASA DEPAN MAMPAN



KANDUNGAN IMBASAN 2022

02

KATA-KATA
ALUAN
PENGURUSI
KUMPULAN
TERENGGANU
INC



03

KATA-KATA
ALUAN PRESIDEN
DAN PENGARAH
EKSEKUTIF
TERENGGANU
INC

04-05

Retrospektif
Kumpulan
Terengganu Inc
2022:
Enam Perspektif
Semai Pelaburan
Efektif



06-07



Terengganu
Inc Tawar
Lapan Peluang
Pelaburan
Menguntungkan

08-09



TDM
Menamatkan
2022 Dengan
Pendapatan
Tertinggi
Berbanding
Tahun-tahun
Sebelumnya

10

EPIC Berhad
Rintis Tenaga
Boleh Baharu
(TBB) Berskala
Besar



12

GPB Dan
KPKKT Amal
Pengurusan
Hutan Bertaraf
Dunia, Terajui
Perniagaan
Lebih Mampan
Berteraskan
Prinsip ESG



13

LRTSB
Pemangkin
Projek
Berteraskan
Elemen Alam
Sekitar di
Kumpulan
Terengganu Inc



14

SPYIT: Syarikat
Percetakan
Diyakini Selama
37 Tahun



15

Manis FM
Rangka
Memperluas
Penyiaran Di
Seluruh Negara





16

GPQ Alami
Perubahan
Signifikan Ke
Arah Projek
Berimpak Tinggi




17

Chicken Cottage
Bina Hubungan
Baik Dengan
Komuniti Luar
Negara



18

TERENGGANU
INC DALAM
LENSA
2022



IMBASAN 2022 :

Terengganu Inc Imbasan 2022 hadir dengan tema kelestarian alam bersempena inisiatif menyeluruh Kumpulan dalam menegakkan agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (ESG). Halaman depan majalah ini memaparkan gambaran tangan yang memegang daun dan memercikkan titisan air ke atas tanaman kecil yang menandakan harapan kami dalam menerapkan agenda kelestarian secara holistik dalam semua aspek aktiviti pelaburan merentas pelbagai sektor.



TERENGGANU INC
200601005493 (725242-P)

TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

Wisma TI, Chendering, 21080 Kuala Terengganu, Terengganu

Tel : +609-6177771 | Fax : +609-6177772 | www.terengganu-inc.com

19



TERENGGANU
INC DALAM
LENSA
2022

20

TI Properties
Dan Hartanah
Terengganu
Bergabung,
Cetus Sinergi
Positif



21
ESG
ENVIRONMENTAL
SOCIAL
GOVERNANCE

22

'TONE-AT-THE-
TOP':
Membudayakan
Nilai Integriti
dalam Kumpulan



23

Permai Hotel
Alami Evolusi
Pengalaman
Baru

24

Primula
Beach Hotel
Memperkasa
Penjenamaan
Sebagai Hotel
Mesra Alam



25

KEMPEN
PENANAMAN
100 JUTA POKOK:
173 Ribu Pokok
Ditanam Oleh
Kumpulan
Terengganu Inc

26

'Terengganu Inc-
UniSZA Islamic
Investment
Project' Capai
Hasil Positif
Pada Tahun
Pertama



27

YT-TI "Young
Talent Scholarship
Programme"
and "Adopt A
School" Warnai
Sektor Pendidikan
Terengganu

28

Zakat Beri
Harapan Baru
Kepada Asnaf



29

Siri Pertama
Terengganu Inc
Challenge (TICS)
Tarik Ribuan
Pengunjung Ke
Tasik Terbesar

30

Kemuncak
Kejohanan
Berbasikal
Terengganu
IGMR 2022 Hadir
dalam Skala
Antarabangsa!



31

Terengganu Inc
dan Terengganu
Football Club
Bersepat
Dalam Misi Ke
Asia



32-33



34

Terengganu
Inc Perkasa
TSG, Pertahan
Gelaran Terbaik
Asia



SUKAN-SUKAN
KUMPULAN
TAHUN 2022

SIDANG REDAKSI

PENGARANG-PENGARANG
KUMPULAN TERENGGANU INC

Ketua Editor
SURIDAH SUPIAN

Penulis Utama dan Panel Editor

Terengganu Inc
AHMAD FAKRUSY SYAKIRIN AHMAD
SABRI
MAISARAH AZINUDDIN
NURUL AFIQAH MOHAMAD
MOHAMAD AIDIL ASHRAF DZULKIFLI

Panel Penulis

NORFAR'IZAN HASHIM
TDM Berhad

MOHD HAKIMI
SAMSUDIN
Eastern Pacific Industrial
Corporation Berhad

ATTIQAH SOLEHAH MOHD
Syarikat Air Terengganu
Sdn Bhd

AHMAD FAUZAN ABDUL
Golden Pharos Berhad

MOHD NOOR FADHIR
IBRAHIM,
Ladang Rakyat
Terengganu Sdn Bhd

KHAIROL AMRI HARUN
Syarikat Percetakan
Yayasan Islam
Terengganu (SPYIT)

ATHIRAH MOHAMED
AL-NAMIRI
ManisFM

NUR HAZIRAH ZULKIFLI
GPQ Sdn Bhd

SHAHIRIN IMRAN
Chicken Cottage
Holdings Ltd

FARHANA ADILA
MOHAMAD YUNUS
TI Properties Sdn Bhd

MUAZZAM BAKAR
Permai Hotel Kuala
Terengganu

AMRIL ZHARIF ROSLAN
PRIMULA Beach Hotel

ROSE HAZELINE ROSLE
Kumpulan Medic Iman
Sdn Bhd

ANA @ AZMAN MUSTAFA
PTB Unit Trust Berhad



KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH MEMANFAATKAN PELABURAN UNTUK RAKYAT MENERUSI PROGRAM PEMANTAPAN INSAN SEPerti PROGRAM BIASISWA YT-TI, 'TERENGGANU INC MANAGEMENT TRAINEE PROGRAMME (TI-MATE)', SERTA MENGADAKAN KERJASAMA UNIVERSITI AWAM SEPerti UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA) DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM).

YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR
Menteri Besar Terengganu
merangkap Pengerusi Terengganu Inc

ALHAMDULLILAH, SETINGGI-TINGGI UCAPAN SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SWT, DENGAN LIMPAH KURNIANYA, IMBASAN PADA TAHUN 2022 MENYAKSIKAN KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH BERUSAHA KERAS SERTA MENJADI PENANDA ARAS KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT LAIN DALAM SEKTOR EKONOMI NEGERI.

Saya amat berbesar hati kerana dapat melihat bagaimana Kumpulan Terengganu Inc telah menerangkan enam daripada sepuluh teras strategik Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS2030) ke dalam beberapa sektor operasi dan kluster pelaburan.

Tahun 2022 menyaksikan penerapan Teras Strategik Ketiga iaitu Pengukuhan Pembangunan Insan. Kumpulan Terengganu Inc telah memanfaatkan pelaburan untuk rakyat menerusi program pemantapan insan seperti Program Biasiswa YT-TI, 'Terengganu Inc Management Trainee Programme (TI-Mate)', serta mengadakan kerjasama Universiti Awam seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Dalam pada itu, pelbagai projek pertanian sedang giat dipelopori oleh anak-anak syarikat Kumpulan seperti TDM Berhad dan Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd (LRTSB), yang menyokong teras Peningkatan Pengeluaran Pertanian menerusi projek ladang kelapa, nenas dan cili.

Dalam Penerokaan dan Pemerksaan Sektor Industri dan Sektor Pembuatan, Projek Taman Perindustrian Kertih Terengganu (KTIP) bernilai RM680 juta telah dilancarkan pada Mac 2022 dengan harapan ia memberi manfaat kepada kerajaan negeri, pelabur serta kegiatan ekonomi rakyat.

Saya mengharapkan strategi hadapan atau 'way forward plan' bermula pada tahun 2023 sehingga 2025 dapat dilaksanakan secara efektif ini termasuk pengurusan prestasi dan pengoptimuman kos dalam semua kluster dan anak-anak syarikat.

Semoga perancangan dan pemantauan rapi di peringkat Terengganu Inc dapat meningkatkan kecekapan operasi dan mengoptimumkan sumber dalam memastikan sasaran pendapatan sebanyak RM1.8 bilion pada tahun 2023 dicapai.

NAMUN BEGITU, PELAN TINDAKAN 2023 MENYAKSIKAN PELBAGAI INISIATIF YANG DIJALANKAN BAGI MENINGKATKAN KEUNTUNGAN SERTA MENITIKBERATKAN ELEMEN AGENDA KELESTARIAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS KORPORAT (ESG).

BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN
Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc



ALHAMDULILLAH, SYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN KEIZINANNYA DAPAT SAYA MENCATAT KEMBALI SEPATAH DUA KATA DALAM BUKU TAHUNAN EDISI KEDUA. 'TERENGGANU INC: IMBASAN 2022'

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Kumpulan Terengganu Inc dan anak-anak syarikat atas komitmen dan kecemerlangan dalam menerapkan usaha yang berterusan untuk meningkatkan lagi prestasi ekonomi Kumpulan secara menyeluruh.

Pada tahun 2022, hasil 'strategic review' arah tuju Kumpulan mendapati kluster utama seperti perladangan, minyak dan gas serta sumber semula jadi menghadapi cabaran pertumbuhan yang mampan.

Namun begitu, Pelan Tindakan 2023 menyaksikan pelbagai inisiatif yang dijalankan bagi meningkatkan keuntungan serta menitikberatkan elemen agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (ESG).

Dalam jangka panjang, hasrat saya agar kita tekad dalam mengurangkan ketergantungan terhadap sektor perladangan dengan memperluaskan kemampuan sektor perubatan dan pelancongan dalam jangka masa panjang.

Saya yakin dengan usaha meningkatkan kecekapan operasi, memantau penggunaan sumber dan mengekstrak nilai penuh dapat memberi laluan kepada kejayaan yang lebih besar dalam masa depan.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Perkembangan Kumpulan Terengganu Inc pada tahun 2022 dalam memperkasakan pelaburan dapat dilihat menerusi enam perspektif utama. Antaranya adalah penglibatan pihak berkepentingan, pengurusan kos efektif, pelaburan pendidikan, agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan kemampanan, pengukuhan kluster-kluster aktif serta pemantapan tadbir urus dan integriti.

Bagi memastikan peluang-peluang pertumbuhan dan ekonomi dalam negeri, Terengganu Inc mengambil langkah besar dengan mengadakan pertemuan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB), PETRONAS, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), UEM Edgenta, Celcom Axiata Berhad, dan Urban Development Authority (UDA) Holdings Berhad.

“LANGKAH MENGADAKAN KOLABORASI STRATEGIK INI ADALAH PENTING DALAM MENAMBAH BAIK DAN MEMPERKUAT POTENSI PERNIAGAAN BAHARU,”

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
YBM TENGKU SERI BIJAYA RAJA
DATO' SERI TENGKU FAROK HUSSIN TENGKU ABDUL JALIL

Perspektif kedua dapat dilihat dalam pelaksanaan untuk mengukuhkan prestasi kewangan syarikat. Prinsip perniagaan mampan dan amalan pengurusan risiko sentiasa diutamakan dan bukan berpandukan objektif komersial semata-mata.

Pelaburan dalam pendidikan yang juga perspektif seterusnya, adalah komitmen dan sokongan Terengganu Inc dalam memastikan pemantapan modal insan berkebolehan sebahagian daripada visi jangka panjang.

Tahun 2022 juga menyaksikan Terengganu Inc membuat pelaburan dalam pendidikan dan kajian pengajian tinggi melalui Biasiswa 'YT-TI Young Talent Scholarship Programme' serta 'Terengganu Inc-UniSZA Islamic Investment Project'. Ini adalah tindakan besar yang membuktikan komitmen syarikat terhadap pembangunan dan kemajuan negeri melalui pembangunan modal insan.

Sementara itu, agenda ESG dan Kemampanan telah menjadi trend dengan peningkatan kesedaran dan tumpuan terhadap pelestarian komuniti, kawasan operasi dan pentadbiran.

Kumpulan Terengganu Inc optimis untuk membawa hala tuju kumpulan di dalam pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) terutamanya penglibatan penceburan dalam industri solar.

“KUMPULAN TERENGGANU INC JUGA SEDANG MENCARI PELUANG UNTUK MENCEBURKAN DIRI SECARA AKTIF DAN MEMPELOPORI PEMASANGAN PANEL SOLAR BAGI PENJIMATAN ELEKTRIK DI BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR ANAK-ANAK SYARIKAT. PERANCANGAN LAIN TERMASUK RANCANGAN 'LARGE SCALE SOLAR (LSS)' SEPERTI LOJI TENAGA SOLAR FOTOVOLTAIK TERAPUNG DI TASIK KENYIR SERTA PEMBINAAN LOJI BIOGAS DAN STESEN JANAKUASA,”

Ahli Lembaga Pengarah Terengganu Inc
YM. RAJA DATO' IDRIS RAJA KAMARUDIN

“BESAR HARAPAN SAYA AGAR OPERASI KUMPULAN TERENGGANU INC BERGERAK DENGAN LEBIH EFISIEN DAN MEMBERIKAN HASIL YANG OPTIMUM KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI INI,”

Pegawai Kewangan Negeri
DATO' ROZALI SALLEH



RETROSPEKTIF KUMPULAN TERENGGANU INC 2022: ENAM PERSPEKTIF SEMAI PELABURAN EFEKTIF

Perspektif kelima dapat dilihat dalam kemampuan kluster perladangan dengan peningkatan mekanisasi sawit dan penggunaan teknologi penjagaan tanah lebih lestari.

Walaupun sektor ini menghadapi cabaran besar seperti ketidakstabilan harga-harga komoditi dunia, namun begitu, keyakinan terhadap pasaran perladangan sawit di peringkat antarabangsa kekal utuh.

Perspektif keenam adalah usaha untuk meletakkan 'high standard' nilai integriti dengan penubuhan Jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada Prof Madya Dr Abd Karim Ali selaku Pengerusi, Prof Datin Dr Rusni Hassan dan Ustaz Ahmad Tirmizi Taha.

Jawatankuasa tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan operasi perniagaan selaras dengan pematuhan syariah dan piawaian Islamik agar Terengganu Inc terus beroperasi di tahap ketelusan dan akauntabiliti tertinggi.



TERENGGANU INC TAWAR LAPAN PELUANG PELABURAN MENGUNTUNGKAN

SEBAGAI SYARIKAT INDUK PELABURAN STRATEGIK KERAJAAN NEGERI, TERENGGANU INC MENYASARKAN PERKEMBANGAN ENAM PROSPEK PELABURAN DAN PERNIAGAAN MERENTASI PELBAGAI INDUSTRI



Salah satu peluang pelaburan ditawarkan seperti projek ekonomi berbentuk sebuah hab perindustrian seluas 1,007 ekar iaitu Taman Perindustrian Kertih Terengganu (KTIP), yang dibangunkan dengan menggunakan konsep 'plug-and-play'. KTIP menawarkan taman perindustrian bersepadu dan berasaskan biopolimer serta produk kimia kepada pelabur di Kertih, Terengganu.

Peluang kedua diperkenalkan oleh Terengganu Inc adalah 'TSV Eco-Industrial Park' yang berkonsepkan 'Managed-Industrial and Logistics Park' dan menjadikannya ia sebuah taman industri pertama menggunakan bentuk terurus tersebut di Terengganu.

Berkeluasan 9,884 ekar (Fasa 1 dan Fasa 2), cadangan pembangunan ini akan merangkumi industri ringan, sederhana dan berat, 'Inland Port' serta ladang tenaga solar berskala besar.

Sejajar dengan konsep kelestarian, projek ini akan menggalakkan kecekapan sumber tenaga dan pemeliharaan alam sekitar, juga membantu merapatkan jurang antara bandar dan industri di kawasan Jambu Bongkok, Dungun, Terengganu.



"ANTARA BENTUK PELABURAN LAIN YANG DIRANCANG ADALAH PEMBANGUNAN MUARA KUALA TERENGGANU CITY CENTRE (KTCC), SEBUAH PUSAT BANDAR MODEN BERKELUASAN 1.4 KILOMETER DI SEPANJANG PANTAI KUALA TERENGGANU YANG DIHUBUNGKAN OLEH MERCU TANDA IKONIK JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU. DENGAN KELUASAN TANAH SEBANYAK 200 EKAR, IA MENJANJIKAN NILAI KOMERSIAL DENGAN LOKASI STRATEGIK, KESEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMAMPUAN PENGANGKUTAN"

- Presiden dan Pengarah Eksekutif, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun

Peluang pelaburan keempat yang dipromosikan oleh Terengganu Inc direalisasikan dalam bentuk mengembangkan kapasiti Pelabuhan Kemaman sebagai pintu masuk baharu ke Rantau Asia Pasifik. Projek bernilai RM3.31 billion itu terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa pertama melibatkan penyambungan dermaga sepanjang 1KM, manakala fasa kedua melibatkan projek pemecah ombak sepanjang 3.65KM.

Peringkat pertama pembesaran pelabuhan yang akan datang dapat menampung kapasiti pengendalian kargo di Dermaga Timur daripada 12 juta tan kepada 32 juta tan pada satu-satu masa.

Selain itu, tawaran pelaburan kelima pula melibatkan pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Terengganu Inc berhasrat untuk membangunkan tapak berpotensi untuk Projek Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD). Sehingga kini, sebanyak empat stesen ECRL yang telah dikenal pasti berpotensi bagi pembangunan TOD antaranya Stesen Jerih, Stesen Kuala Terengganu, Stesen Dungun dan Stesen Chukai.

Terengganu Inc turut membuka peluang keenam dengan pembangunan yang sedang rancang disiapkan seperti Hotel Pulau Poh, Tasik Kenyir bertaraf tiga bintang yang merangkumi fasiliti lengkap seperti 150 bilik hotel, taman kembara, taman air, pusat komersial dan jeti bot.

Terengganu Inc turut melihat kepada potensi teknologi hijau sebagai prospek pelaburan ketujuh di negeri ini untuk menyokong agenda nasional ke arah penyahkarbonan serta agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (ESG). Peluang ini melibatkan pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB), stesen pengecasan Kenderaan Elektrik (EV), pengurusan sisa tapak pelupusan sampah, dan penghasilan hidrogen hijau

Kemajuan pelancongan berteraskan sukan di bawah 'Terengganu Inc Challenge Series' (TICS) turut diletakkan sebagai peluang pelaburan kelapan, memanfaatkan populariti berbasikal dan sukan ekstrem lain yang menjana ekonomi tempatan dengan menarik pengunjung. Kejayaan Kejohanan Jet Ski Tasik Kenyir 2022 telah mengumpulkan lebih 15,000 tetamu dan atlet serta menggambarkan potensi TICS dan pelancongan sukan yang diterajui oleh Kumpulan Terengganu Inc.





TDM MENAMATKAN 2022 DENGAN PENDAPATAN TERTINGGI BERBANDING TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA

Berakhirnya tahun kewangan pada 31 Disember 2022, TDM mencapai rekod pendapatan tertinggi bagi tahun tersebut sebanyak RM614.2 juta, peningkatan 20 peratus daripada tahun sebelumnya.

Hasil daripada perladangan meningkat sebanyak 17 peratus kepada RM335.4 juta, manakala hasil daripada bahagian Penjagaan Kesihatan pula meningkat sebanyak 24 peratus kepada paras tertinggi sepanjang masa sebanyak RM278.7 juta.

Peningkatan hasil perladangan ini didorong oleh kedua-dua harga Minyak Sawit Mentah (CPO) dan dan isirong sawit (PK) yang lebih tinggi, yang mana masing-masing meningkat sebanyak 12 peratus dan 10 peratus, serta pembelian tanaman luar yang lebih tinggi sebanyak 32,552mt, peningkatan empat kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

Penjagaan kesihatan terus menunjukkan prestasi yang cemerlang sebaik mencatatkan peningkatan dalam bilangan pesakit dalam dan pesakit luar, peningkatan dalam hari pesakit dalam dan kadar penghunian katil yang lebih tinggi.

TDM kekal komited dalam memastikan perkembangan dan pertumbuhan positif walaupun berdepan tekanan inflasi yang telah membawa kepada ketidaktentuan, peningkatan kos sara hidup dan pengurangan perbelanjaan pengguna.

TDM merancang untuk mengembangkan perkhidmatannya dengan menawarkan lebih banyak rawatan sub-kepakaran serta penjagaan pesakit yang lebih baik, mempercepatkan kehadirannya di kawasan geografi terpilih, dan mengukuhkan pengiktirafan jenamanya dalam pasaran sedia ada.

SYARIKAT TERSENARAI DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA, TDM MENCATATKAN PRESTASI KUKUH DALAM TAHUN 2022 HASIL PERNIAGAAN TERAS SERTA PELBAGAI PENGIKTIRAFAN TERNA MA DALAM PERLADANGAN KELAPA SAWIT DAN PENJAGAAN KESIHATAN.





"KAMI SANGAT TERUJA DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH BAHAGIAN PENJAGAAN KESIHATAN PADA SUKU TAHUN BARU-BARU INI. MATLAMAT KAMI UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN YANG TERKEMUKA DAN KOS EFEKTIF KEPADA MASYARAKAT KEKAL TEGUH DAN DALAM PADA WAKTU YANG SAMA, KAMI AKAN TERUS BERUSHA UNTUK MENGEMBANGKAN PENAWARAN SERTA MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN,"

- Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin

Bagi bahagian perladangan, syarikat tersebut kekal memberi tumpuan dalam meningkatkan kelestarian dan jangka hayat dengan menggunakan teknik inovatif untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan keperluan tenaga buruh, dan mencapai hasil jangka panjang maksimum.





EPIC BERHAD RINTIS TENAGA BOLEH BAHARU (TBB) BERSKALA BESAR



DALAM MENYOKONG AGENDA NEGARA KE ARAH MATLAMAT KELESTARIAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG), EASTERN PACIFIC INDUSTRIAL CORPORATION BERHAD (EPIC BERHAD) TELAH MENGAMBIL LANGKAH PROAKTIF DALAM MERANCAKKAN PEMBANGUNAN STESEN JANAKUASA SOLAR BERSKALA BESAR FOTOVOLTAIK (LSSPV) DI PANTAI TIMUR MALAYSIA.

Melalui anak syarikatnya EPIC Solar Sdn Bhd (ESSB) yang juga merupakan syarikat pertama di Terengganu mempunyai ladang solar berkeluasan 70 ekar, EPIC Berhad memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber bekalan tenaga boleh baharu (TBB). Sebagai aktiviti utama anak syarikat tersebut, ESSB membekalkan 18.5MW arus ulang-alik atau 'alternating current' (AC) kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui grid nasional, hasil Perjanjian Pembelian Kuasa atau 'Power Purchase Agreement' (PPA) yang ditandatangani oleh kedua-dua organisasi pada tahun 2017.

LSSPV yang pertama dengan penglibatan penuh syarikat telah dilancarkan pada tahun 2018 oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Selain itu, ESSB dengan barisan tenaga kerja pakarnya juga menyediakan perkhidmatan perundingan kepada syarikat yang berminat untuk menceburi sektor tenaga boleh baharu dan teknologi hijau.

"BAGI MENYOKONG ASPIRASI NEGARA UNTUK MENCAPAI 40 PERATUS TENAGA BOLEH BAHARU (TBB) MENJELANG TAHUN 2035, EPIC MENERUSI ESSB MENGORAK LANGKAH MENAMBAH BAIK DAN MEMPELBAGAIKAN PENAWARAN PERKHIDMATAN PERNIAGAANNYA"

- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC, Ridzuan Ali

Pihak syarikat kini dalam proses menerokai Program Tenaga Hijau Korporat atau juga dikenali sebagai 'Corporate Green Power Programme' (CGPP) yang ditawarkan oleh Kerajaan yang mengguna pakai mekanisme Perjanjian Pembelian Tenaga Maya atau 'Virtual Power Purchase Agreement'

(VPPA) dengan jumlah kuota 600MW, bagi membolehkan syarikat-syarikat korporat beroperasi di Malaysia mencapai komitmen agenda ESG.

Bertepatan dengan aspirasi untuk menjadikan Pelabuhan Kemaman sebagai sebuah pelabuhan hijau atau 'green port', EPIC turut merancang untuk menyediakan pelbagai kemudahan yang menggunakan tenaga solar. Antaranya seperti pemasangan lampu jalan berkuasa suria di terminal Dermaga Timur atau 'East Wharf' (EW) dan juga di Berth No. 6. Selain itu, ESSB berhasrat untuk menawarkan fasiliti yang dijanakua oleh tenaga solar bagi membantu syarikat-syarikat Kumpulan EPIC seperti perkhidmatan 'decommissioning of ship' oleh Eastern Pacific Marine Services Sdn Bhd (EPMSSB). Bukan itu sahaja, pihak syarikat juga berkolaborasi dengan Kolej Universiti TATI (UC TATI) bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) kenderaan elektrik yang dikuasai oleh panel tenaga solar untuk kegunaan di pelabuhan.

Perkembangan ini bakal memacu pertumbuhan ekonomi apabila inovasi dalam bidang berkenaan dapat diguna pakai oleh pelbagai pemain industri, khususnya yang berpusat di Pelabuhan Kemaman. Ia juga membawa manfaat kepada pengguna termasuk kilang, bangunan komersial, pentadbiran dan perumahan penduduk selain membuka ruang perniagaan baharu buat Kumpulan EPIC dalam menjana pendapatan dan memberi impak yang positif seiring dengan transformasi ekonomi Negeri Terengganu.





SATU RANGKA PELAN STRATEGIK 10 TAHUN TAMPUNG KEPERLUAN AIR YANG KIAN MENINGKAT

lebih sistematik mengikut keutamaan dalam memastikan perbelanjaan secara berhemah. Pembelian alat ganti secara 'one to one' juga akan dilaksanakan bagi mengurangkan impak gangguan bekalan air di masa hadapan.

SATU turut mempertingkatkan keupayaan LRA sedia ada seperti LRA Bukit Sah, Kemaman daripada kapasiti asal iaitu 128 JLH kepada 225 JLH, menjadikan ia LRA terbesar di Terengganu. Menerusi pengoperasian LRA Bukit Sah ini, SATU berupaya menyediakan bekalan air terawat kepada pengguna domestik dan bukan-domestik meliputi 300,000 pengguna di daerah Kemaman.

Dalam pada itu, SATU juga telah mula mengorak langkah dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan, serta penyediaan menghadapi cabaran akan datang.

Antara pembaharuan yang diwujudkan seperti pembangunan sistem pengurusan aset yang lebih efektif, penggunaan teknologi moden dan transformasi digital seperti aplikasi MySATU serta perancangan modal insan yang bersepadu untuk meningkatkan kompetensi kakitangan syarikat.

Menerusi penambahbaikan tersebut, mutu perkhidmatan buat komuniti dapat terus dipertingkatkan untuk menghadapi setiap cabaran di masa hadapan.

PADA TAHUN 2022, SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU) TELAH MERANGKA SEBUAH PELAN STRATEGIK 10 TAHUN PEMBANGUNAN BEKALAN AIR NEGERI TERENGGANU DALAM MEREALISASIKAN KOMITMEN SEPENUHNYA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BEKALAN AIR TERAWAT TERBAIK.

“DENGAN DORONGAN PENJENAMAAN ‘PERKHIDMATAN KELAS SATU’, SATU MENGATUR PELAN SECARA BERPERINGKAT UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BEKALAN AIR YANG SEMAKIN MENINGKAT, ANTARANYA PELAKSANAAN PROJEK UTAMA BEKALAN AIR IAITU PROJEK KUALA TERENGGANU UTARA (KTU) DENGAN NILAI KONTRAK RM1.3 BILION”

- Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut

Antara komponen utama projek yang telah berjaya disiapkan pada tahun 2022 adalah seperti Loji Rawatan Air (LRA) Pakej 20 juta liter sehari (JLH) di Pulau Bahagia. Kemajuan pada tahun sama melibatkan LRA Pakej 44 JLH di Losong yang telah mula dimanfaatkan secara berperingkat bermula akhir April 2022 serta LRA Bukit Berapit berkapasiti 120 JLH yang beroperasi bermula pada November 2022.

Dalam pada itu, pihak SATU merangka pembangunan sistem pengurusan aset yang akan mengenal pasti kondisi aset semasa untuk membantu SATU menyediakan pelan penyelenggaraan dan penggantian aset yang





GPB DAN KPKKT AMAL PENGURUSAN HUTAN BERTARAF DUNIA, TERAJUI PERNIAGAAN MAMPAN BERTERASKAN PRINSIP ESG

Kluster tenaga dan sumber Kumpulan yang diterajui oleh Golden Pharos Berhad (GPB) telah giat dan efektif ke arah perniagaan lebih mampan berpandukan agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), terutamanya menerusi subsidiari di bawahnya.

Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn. Bhd. (KPKKT), salah sebuah subsidiari di bawah GPB turut mengamalkan Pengurusan Hutan Secara Lestari (SFM) yang menggunakan pendekatan pengurusan hutan terbaik antarabangsa berpandukan Sistem Pengurusan Memilih (SMS).

“KAEDAH TERSEBUT SELARAS DENGAN PRINSIP DAN KEPERLUAN ‘FOREST STEWARDSHIP COUNCIL’ (FSC) SERTA KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA (MC&I) UNTUK PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (HUTAN ASLI). SMS YANG DIAMALKAN MERUPAKAN TUNJANG KEPADA KELESTARIAN HUTAN, HASILNYA, KONSESI KOMPLEKS PERKAYUAN DUNGUN DAN KONSESI HUTAN CHERUL YANG DIURUSKAN OLEH KPKKT MENDAPAT PENGIKTIRAFAN FSC YANG MEMBUKTIKAN HUTAN INI DIURUS DENGAN BAIK “

- Pengarah Eksekutif GPB, Dr Mohd Zaki Hamzah

Sementara itu, GPB menerusi KPKKT telah mengaplikasikan teknologi serta kaedah terkini dalam usaha mencapai sasaran kayu balak daripada hutan asli (Kompleks Perkayuan Dungun dan Konsesi Hutan Cherul) ke kilang-kilang papan dan papan lapis PESAKA, PESAMA dan PPSB.

Antara langkah yang diambil adalah memastikan proses pelesenan berjalan lancar dan dapat dicapai mengikut Catuan Tebangan Tahunan (CTT) pada tahun semasa. CTT KPKKT yang telah diberikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) pada tahun 2022 adalah seluas 1,900 hektar yang melibatkan enam lesen usahasil yang telah berjaya diperolehi pada tahun tersebut.

Bermula pada tahun 2022, KPKKT telah mengaplikasikan teknologi ‘Geospatial’ seperti ‘remote sensing’ dan sistem maklumat geografi (GIS) bagi perancangan

kawasan Pengusahasilan. Perancangan pengusahasilan hutan yang teliti sangat penting untuk memastikan pengeluaran bagi setiap kawasan menghasilkan pulangan yang baik bagi mencapai objektif pengurusan hutan secara berkekalan.

Dengan menggunakan teknologi tersebut, anggaran stok hutan dapat dibuat dan digunakan untuk membuat perancangan pemilihan kompartmen seterusnya dalam menguruskan sumber hutan dengan lebih efisien.

Dalam konteks GPB sebagai syarikat induk, pihaknya telah menetapkan inisiatif untuk meningkatkan KPI mengenai nilai ESG bermula dengan tinjauan dan penilaian pertama pada tahun 2019 dengan memberi tumpuan dan mengatur sumber untuk meningkatkan prestasi 10 ‘materiality matters’ di seluruh dimensi kelestarian.

Mengikuti saranan FTSE4Good Bursa Malaysia untuk menyemak semula ‘materiality matters’ sekurang-kurangnya sekali setiap beberapa tahun, jawatankuasa Kelestarian GPB telah melakukan kajian semula bersama konsultan yang telah dilantik oleh kumpulan dalam tempoh pelaporan.

Salah satu pencapaian GPB adalah projek IT yang melibatkan pelancaran laman web baru, migrasi domain dan e-mel untuk menyelesaikan ancaman keselamatan siber dan pendigitalan pelbagai urusan GPB termasuk komunikasi dan operasi.

LRTSB PEMANGKIN PROJEK BERTERASKAN ELEMEN ALAM SEKITAR DI KUMPULAN TERENGGANU INC

SYARIKAT PERLADANGAN DAN PENTERNAKAN, LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN BHD (LRTSB) TELAH MEMBINA ASAS KUKUH DALAM PROJEK BERTERASKAN ELEMEN ALAM SEKITAR DARIPADA AGENDA MAMPAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS KORPORAT (ESG).



Antaranya, LRTSB telah membangunkan projek pembinaan Kilang Biogas bermula pada awal 2022 dan siap sepenuhnya pada Disember 2022 dengan matlamat mengurangkan pencemaran alam sekitar menerusi pelepasan 'emission gas' dari kolam takungan sisa buangan kilang sawit 'effluence pond'.

Projek yang menelan belanja berjumlah RM18 juta bakal menjana pendapatan sampingan kepada LRTSB menerusi penghasilan tenaga elektrik. LRTSB sedang menjalinkan kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad bagi perbekalan tenaga elektrik untuk tempoh selama 21 tahun bermula 2022 – 2043.

Di samping itu, LRTSB turut maju selangkah ke hadapan apabila turut membangunkan projek 'Bio-Fertilizer' bermula pada awal tahun 2022.

Dengan kos pembangunan berjumlah RM8 juta, projek ini dibangunkan bagi menghasilkan baja dari bahan buangan pemprosesan minyak sawit mentah seperti tandan kosong (EFB), 'Decanter Cake', 'Sludge Cake', 'Boiler Ash', dan 'Dust Ash'.

Pihaknya menjangkakan produk pertama kilang ini akan dikeluarkan secara komersial bermula awal tahun 2023.

Sebagai sebuah syarikat perladangan kelapa sawit, penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) merupakan faktor utama menyumbang kepada pendapatan syarikat. Namun begitu, LRTSB telah berdepan dengan isu kekurangan tenaga kerja asing mencecah sehingga 64 peratus pada tahun 2022 dan telah mengakibatkan produktiviti BTS turun mendadak.

Dalam usaha menambah jumlah pekerja, LRTSB telah mengambil inisiatif dengan menyediakan insentif tambahan kepada pekerja yang berjaya menghasilkan produktiviti tertinggi bermula Julai 2022.

Ini termasuk penyediaan tempat tinggal yang selesa, penjagaan kesihatan, menyediakan makanan tengah hari pada pekerja yang lewat pulang serta kebajikan yang lain sebagaimana termaktub dalam Akta Kerja 1955 dan Akta 446 -Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990.





SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN BHD (SPYIT) ADALAH SEBUAH SYARIKAT PERCETAKAN AL-QURAN YANG DIPERBADANKAN PADA 1985. SETELAH EKUITI SYARIKAT DIPINDAH MILIK KEPADA TERENGGANU INC PADA 2017, SPYIT TELAH MULA MENCETAK HAMPIR KESEMUA JENIS BAHAN SEPERTI TAFSIR AL-QURAN, SURAH YASIN, BUKU-BUKU, MAJALAH, NOVEL, SURAT KHABAR, 'BROCHURE', LAPORAN TAHUNAN, DIARI, KALENDAR DAN BANYAK LAGI.

Dalam usaha untuk menerajui industri percetakan dalam Kumpulan, SPYIT telah mengembangkan sayap mereka kepada percetakan digital dengan menambah unit mesin digital sekali gus membuka peluang baru dan meningkatkan pendapatan syarikat.

“BERMULA TAHUN 2009, SPYIT HANYA MEMILIKI DUA UNIT MESIN INKJET KEPADA SEMBILAN UNIT SEHINGGA TAHUN 2022. INI MENUNJUKKAN KOMITMEN YANG TINGGI SPYIT DALAM KEMAJUAN TEKNOLOGI DALAM INDUSTRI PERCETAKAN YANG AKAN MEMBERIKAN HASIL YANG LEBIH BAIK DAN CEPAT” – Pengurus Besar SPYIT, Wan Shamsuddin Wan Abdullah

Menjelaskan tentang pemangkin prestasi perniagaan SPYIT, antara faktor signifikan adalah kepercayaan daripada pelbagai pihak untuk melaksanakan projek-projek yang memenuhi keperluan percetakan.

Hubungan perniagaan tersebut termasuk kepercayaan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu untuk mencetak modul dan soalan peperiksaan bagi semua sekolah dalam negeri.

Kemudian, projek kerja PASTI bermula pada tahun 2019 dengan nilai sebanyak RM65,000.00. Namun, dari tahun ke tahun,

projek ini telah mengalami peningkatan nilai dengan RM983,000.00 pada tahun 2020 dan RM863,000.00 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan kemampuan SPYIT dalam menangani projek skop besar.

Selain itu, SPYIT juga terus mendapat kepercayaan dari pihak kerajaan negeri Terengganu dan GLC dalam bidang percetakan diari. Pihak SPYIT juga terus berkembang dalam projek pengiklanan papan iklan daripada Urus setia Penerangan Darul Iman sehingga sekarang.

Di samping memperluas perniagaan antara pelbagai agensi, Pelaksanaan Pelan Penstrukturan Semula Modal Insan atau 'HR Blueprint' juga merupakan salah satu langkah strategik yang diambil oleh pihak SPYIT dalam menambah baik skim gaji dan perjawatan di syarikat.

Modal Insan Kumpulan di Terengganu Inc telah bekerjasama dengan pihak pengurusan SPYIT dalam menyediakan pelan ini dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti perjawatan di syarikat. Pelan ini dijadualkan akan berkuat kuasa pada bulan Januari 2023 dan diharapkan dapat memberikan kesan positif kepada keseluruhan perjawatan serta kualiti kerja dan motivasi kakitangan.

SPYIT: SYARIKAT PERCETAKAN DIYAKINI SELAMA 37 TAHUN





MANIS FM RANGKA MEMPERLUAS PENYIARAN DI SELURUH NEGARA

SYARIKAT PENGENDALI STESEN RADIO, HUSA NETWORK SDN BHD (HNSB) MELALUI JENAMA PENYIARANNYA MANIS FM MERANGKA MELUASKAN LAGI PENYIARAN DI SELURUH NEGARA MENERUSI TAWARAN PERKHIDMATAN OLEH MYTV BROADCASTING SDN BHD. (MYTV) IAITU PLATFORM DIGITAL TERESTRIAL TELEVISION (DTT).



Pada tahun 2022, pihak pengurusan HNSB serta delegasi Kerajaan Negeri telah mengadakan lawatan kerja di Pusat Operasi Penyiaran MYTV di Cyberjaya, Selangor bagi membincangkan tawaran perkhidmatan oleh MYTV.

Tawaran tersebut adalah bertujuan bagi meningkatkan lebih ramai pendengar dapat mengakses perkhidmatan kandungan yang ditawarkan oleh radio Manis FM di seluruh pelusok negara melalui platform DTT MYTV.

Susulan ketetapan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak lagi meluluskan pengantukan frekuensi baharu kepada semua pemegang lesen penyiaran radio, tawaran perkhidmatan daripada MYTV dilihat mampu mengembangkan lagi capaian pendengar radio Manis FM di seluruh negara.

Rancangan perluasan penyiaran radio Manis FM dapat menyebarkan secara meluas inisiatif dan program Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada orang ramai secara amnya dan juga dapat meningkatkan pendapatan daripada sektor komersial melalui pengiklanan dan penajaan.


“SELAIN SEGMENT KOMERSIAL YANG MENYAJIKAN PELBAGAI KANDUNGAN BERKONSEPKAN PANTAI TIMUR, DTT MYTV BAKAL MENJADI PLATFORM PENYIARAN ALTERNATIF RADIO MANIS FM SEBAGAI PEMANGKIN KE ARAH MENJADIKAN SEGENAP KELOMPOK MASYARAKAT DI NEGARA INI CAKNA DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA, DASAR DAN POLISI KERAJAAN”

- Pengurus Besar Husa Network Sdn Bhd, Ozarizan Mohd Nor

Sebuah Aplikasi turut telah dilancarkan pada tahun 2021 sebagai medium digital bagi pendengar mengakses penstriman langsung radio dan pelbagai kandungan menarik disajikan seperti artikel berkaitan isu semasa, audio siar dan video-video yang berkonsepkan negeri pantai timur. Sehingga kini aplikasi Sweet+ telah dimuat turun oleh pelbagai pendengar daripada segenap latar belakang bagi mengakses kandungan radio Manis FM.

Kesimpulannya, siaran radio Manis FM bukan hanya boleh di dengar melalui corong-corong radio sahaja sama ada di rumah ataupun semasa memandu, malah siaran radio Manis FM boleh juga diakses di platform digital dan turut dirancang akan bersiaran secara langsung di platform DTT dan Over The Top (OTT) MYTV.





GPQ ALAMI PERUBAHAN SIGNIFIKAN KE ARAH PROJEK BERIMPAK TINGGI

GPQ SDN BHD, YANG DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI GABONGAN PEMBORONG QUARRY SDN BHD, ADALAH SEBUAH SYARIKAT PEMBINAAN BUMIPUTERA YANG DIMILIKI SEPENUHNYA YANG DIDAFTARKAN PADA TAHUN 1978.

Syarikat ini adalah salah satu anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc, yang terlibat dalam pelbagai projek dan pembangunan infrastruktur sehingga mencecah lebih RM500 juta.

Pada tahun 2022, Noor Mohd Suhaimie Ismail telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif berkuat kuasa 1 November 2022. Beliau telah merangka pelbagai landasan baharu bagi meningkatkan pendapatan GPQ termasuk meningkatkan fungsi setiap bahagian dalaman dan menambah baik kepakaran pekerja.

Antara projek utama GPQ sepanjang tahun lepas adalah penglibatan dalam projek infrastruktur dalam negeri iaitu projek usaha sama dengan LGB Engineering Sdn Bhd, penaiktarafan Jambatan Marang yang sedang giat dijalankan.

“GPQ SEDANG BERUSAHA KERAS UNTUK MENGATASI CABARAN DALAM MENYELESAIKAN PROSES PENGAMBILAN TANAH DI JAJARAN BARU, SERTA MENYEDIAKAN PELAN PENGURUSAN TRAFIK YANG TERBAIK UNTUK MEMASTIKAN KELANCARAN TRAFIK SEPANJANG TEMPOH PEMBINAAN ”

– Ketua Pegawai Eksekutif GPQ, Noor Mohd Suhaimie Ismail

Dalam memastikan kelancaran projek mengikut prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), pihaknya juga tekad dalam memastikan bahawa kerja-kerja pembinaan yang dianggarkan bernilai RM338 juta itu tidak akan memberi kesan negatif kepada Sungai Marang.

Ini kerana, projek jambatan berskala besar pertama yang dilaksanakan oleh syarikat bakal menjadi pengukur kepada kemampuan syarikat dalam melaksanakan projek-projek seumpamanya pada masa akan datang.



Seperti projek Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang turut melibatkan GPQ, projek menaiktaraf Jambatan Marang dijangka memberi impak yang sama kepada reputasi syarikat dengan menunjukkan kemampuan daya saing yang tinggi dalam industri pembinaan di negeri Terengganu.



Sementara itu, dalam menyokong agenda Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2023) "Pembangunan Bandar Baharu Lestari dan Kediaman Patuh Syariah", GPQ turut memainkan peranan dalam proses pelaksanaan projek dan sama-sama terlibat dalam visi dan polisi pembangunan negeri.

Semua projek tersebut sebenarnya mencerminkan komitmen syarikat yang teguh dalam industri pembinaan. Hasilnya, GPQ Sdn Bhd diakui sebagai syarikat pembinaan yang terkenal dan terlibat dalam pelbagai projek besar di dalam negara.

CHICKEN COTTAGE: BINA HUBUNGAN BAIK DENGAN KOMUNITI LUAR NEGARA



Chicken Cottage, sebuah syarikat rangkaian makanan segera bertapak di United Kingdom, bukan sahaja telah meluaskan sayapnya di peringkat global, namun syarikat ini juga telah mengambil komitmen membantu komuniti yang memerlukan melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Dalam negeri, Chicken Cottage adalah diantara anak-anak syarikat Kumpulan yang telah menyampaikan sumbangan kepada Program Biasiswa YT-TI atau dikenali 'Young Talent Scholarship Programme' dengan komitmen sejumlah RM500,000.

Chicken Cottage juga menyumbang sarapan untuk pusat-pusat pelarian tempatan serta ke kem pelarian Calais di Perancis pada tahun-tahun yang lepas berbentuk dua van yang dipenuhi dengan pakaian dan makanan ke kem itu. Pada tahun 2022, Chicken Cottage juga memberi sumbangan pakaian dan peralatan kepada Pusat Pelarian Corydon yang menempatkan pelarian-pelarian dari Afghanistan, Syria dan Ukraine.

Chicken Cottage juga aktif menyumbang kepada aktiviti-aktiviti masyarakat Malaysia

di UK berbentuk sumbangan makanan dan tajaan wang. Antaranya termasuk program Maulidur Rasul, Iftar di Malaysia Hall dan juga salah satu penaja rasmi untuk 'Malaysia Day' anjuran Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di UK.

Menyentuh tentang hasil pelaksanaan CSR, Chicken Cottage telah menerima maklum balas positif dari masjid-masjid dan pusat-pusat pelarian dan membuka pintu kerjasama lebih lanjut dengan organisasi-organisasi ini jika mereka memerlukan sokongan tambahan.

"TIDAK HANYA TERBATAS DENGAN KOMUNITI TEMPATAN, KAMI TURUT MENYUMBANG KEPADA MASJID-MASJID SEMASA BULAN RAMADAN DI SEKITAR UK. INI TERMASUK BANTUAN KEPADA ENAM MASJID DI LONDON, CAMBRIDGE, DAN OXFORD. USAHA-USAHA INI TELAH BERTERUSAN SELAMA BEBERAPA TAHUN, DENGAN SYARIKAT TELAH MEMBANTU MASJID-MASJID TEMPATAN SEMASA RAMADAN SEJAK 2014" - Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Chicken Cottage, Shahrin Imran



ASDI TEGUH SEBAGAI PELABURAN SYARIAH PILIHAN HAMPIR TIGA DEKAD

"SEMENJAK DILANCARKAN PADA TAHUN 1994, PEMEGANG-PEMEGANG UNIT YANG MELABUR TELAH MENIKMATI 23 KALI (TERMASUK TAHUN 2022) PENGAGIHAN PENDAPATAN KASAR BERJUMLAH 92.89 SEN SEUNIT. INI BERSAMAAN PURATA 4.04 SEN SEUNIT"
- Ketua Pegawai Eksekutif PUTB, Roshidi Ab Hamed

Ditubuhkan pada tahun 1994, PTB Unit Trust Berhad (PUTB) adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Terengganu Berhad yang bertanggungjawab untuk menguruskan Tabung Amanah Saham Darul Iman (ASDI).

Antara matlamat utama pelancaran ASDI adalah mewujudkan satu saluran pelaburan alternatif buat rakyat negeri Terengganu, berbentuk pelaburan dalam unit amanah yang berteraskan syariah.

Walaupun di sebalik ketidakpastian pasaran tempatan dan serantau, ASDI masih mampu untuk mengekalkan objektif tabung bagi agihan pendapatan. Kadar agihan pendapatan untuk tahun kewangan 2022 ialah 1.10 sen seunit atau 4.58 peratus (berasaskan harga pada awal tahun kewangan) berbanding 1.00 sen seunit atau 4.46 peratus pada 2021.

Pengagihan pendapatan dibayar dalam bentuk tunai kepada semua pemegang-pemegang unit berdaftar pada 31 Okt 2022. Ini telah menunjukkan ASDI telah berupaya mencapai objektif pelaburan iaitu mengusahakan pengagihan pendapatan yang berterusan.

Oleh itu, antara faktor yang mendorong agihan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022 adalah kerana ASDI telah mendapat jumlah keuntungan yang lebih besar berbanding tahun sebelumnya.

ASDI juga telah membuat pembentangan strategi di Jawatankuasa Pelaburan Tabung membincangkan unjuran pendapatan pada tahun kewangan 2023. Satu anggaran kadar pengagihan pendapatan yang disasarkan pada tahun kewangan hadapan.

TI PROPERTIES DAN HARTANAH TERENGGANU BERGABUNG, CETUS SINERGI POSITIF

SYARIKAT PENGURUSAN ASET, PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PROJEK, TI PROPERTIES SDN BHD (TI PROP) TELAH MENGALAMI PERUBAHAN DRASTIK PADA TAHUN 2022 DENGAN BERLAKUNYA PENGGABUNGAN SYARIKAT BERSAMA SEBUAH LAGI ANAK SYARIKAT TERENGGANU INC, HARTANAH TERENGGANU SDN BHD (HTSB).

Penggabungan antara dua syarikat ini telah membawa kepada pelbagai impak positif dan strategik seperti pengurangan kos dan peningkatan kualiti dalam pengurusan harta dan fasiliti, terutamanya dalam pengurusan menara ikonik Jambatan Angkat Kuala Terengganu.

Antaranya adalah TI PROP telah mula berupaya menguruskan jambatan angkat tanpa lantikan syarikat luar sepenuhnya. Bahkan dengan pengurusan dan kepakaran teknikal tersendiri, pihaknya mampu untuk menyelia bangunan ini dengan lebih terperinci dengan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dikawal selia dengan berkala, pantas dan efisien.



TI PROP telah melakukan penstrukturan semula bagi Jabatan Teknikal dan Operasi dengan membahagikan pada tiga unit iaitu Penyelenggaraan, Operasi dan Keselamatan yang mewujudkan warga kerja dari pelbagai latar belakang kemahiran dan pengalaman.

Sambutan kakitangan kedua-dua syarikat serta kerjasama dan komitmen yang diberi sangat memberangsangkan dengan berlakunya perkongsian ilmu dan pengalaman.

Selain itu, TI PROP juga mempunyai skop perniagaan yang lebih besar, termasuk kolaborasi strategik dengan pemain industri

yang mapan untuk membangunkan taman industri di Kerteh, memiliki hartanah berkeluasan di Glenmarie, Selangor, dan kedai-kedai di Desa Petaling, Kuala Lumpur, serta pengurusan operasi kuari.

Penggabungan ini juga membawa kepada penjimatan kos tahunan termasuk kos operasi dan pentadbiran serta kos pembangunan hartanah yang berulang, selain melibatkan pemindahan aset kepada TI PROP seperti Kuala Terengganu Business Centre (KBTC), Padang Hiliran Flat, Kijal Permai Apartment dan Amcorp Mall Office Suite.

Di samping membolehkan syarikat mencetuskan pulangan pelaburan yang lebih baik, langkah ini juga sejajar dengan matlamat kestabilan dan pertumbuhan berterusan Kumpulan Terengganu Inc dalam memastikan manfaat maksimum kepada rakyat dan negeri Terengganu.

ESG ENVIRONMENTAL SOCIAL GOVERNANCE



6.0 MW
Kapasiti loji biogas

18.5 MW
Kapasiti ladang solar

Waktu Kerja Fleksi

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994)

Menerima pakai sistem tadbir urus terbaik MCCG 2021

Pembentukan Piagam Lembaga Pengarah

0.8 MW
Pemasangan solar atas bumbung

Pensijilan MSPO dan RSPO dalam sektor perladangan

RM11.4 Juta
Nilai tanggungjawab sosial korporat bagi tahun 2022

Pelaksanaan pengurusan modal insan berstruktur

Pematuhan kepada Panduan Laporan Kelestarian Bursa Malaysia bagi syarikat awam berhad

Penubuhan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan

7.5 kW AC
Pengecas kenderaan elektrik (EV) di Primula Beach Hotel

50 MWH
Pensijilan Tenaga Boleh Baharu oleh I-Rec Standard

Memorandum Persetujuan (MoA) bersama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi pelaburan pendidikan

28% Wanita
Keterangkuman pekerja di peringkat kumpulan

Penubuhan Rangka Kerja Integriti

Penglibatan program transformasi syarikat awam berhad Bursa Malaysia

173,220 Pokok
bagi menyokong 'Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025'

Pensijilan FSC dan PEFC dalam sektor perhutanan

Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkenaan pendidikan perniagaan

293 Unit
Pembinaan rumah kos rendah di Terengganu

Penubuhan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan Jawatankuasa Syariah

Dinilai sebagai syarikat STABIL oleh Jabatan Audit Negara

ESG INISIATIF MAMPAN

“KUMPULAN TERENGGANU INC SENTIASA MENGUTAMAKAN INISIATIF PEMERKASAAN PEMATUHAN DAN NILAI INTEGRITI PADA TAHUN 2022 DENGAN MEMBUDAYAKAN ‘TONE-AT-THE-TOP’, MENERUSI TINDAKAN DAN KOMITMEN UNTUK MEMELIHARA DAN MEMBANGUNKAN KETELUSAN DALAM ORGANISASI”

- Ketua Jabatan Risiko, Pematuhan dan Integriti, Syed Ibrahim Sayd Othman.



‘TONE-AT-THE-TOP’: MEMBUDAYAKAN NILAI INTEGRITI DALAM KUMPULAN

Bermula dengan Program Pengarah-Pengarah Korporat Kumpulan Terengganu Inc 2022 (CDP 2022) bertemakan ‘Meningkatkan Tadbir Urus dan Kepimpinan : Dalam Suasana Pasca Pandemik’, program tersebut menegaskan semula peranan Ahli Lembaga Pengarah untuk mengembangkan budaya integriti dalam organisasi masing-masing.

Dari sudut pembangunan polisi, Terengganu Inc telah membangunkan polisi-polisi utama yang kemudiannya akan dilanjutkan kepada anak-syarikat untuk diguna pakai. Polisi seperti Anti-Rasuah dan Penyelewengan, Kod Etika Perniagaan, ‘Whistleblowing’, ‘No-gift’ dan ‘Sponsorship and Donation’ telah dirangka dan dilanjutkan kepada anak syarikat agar semua organisasi di dalam Kumpulan Terengganu Inc dapat bergerak seiringan dalam mencapai matlamat untuk mewujudkan tatakelola yang terbaik.

Untuk mempertingkatkan kawalan dalaman, Terengganu Inc turut mewujudkan Kerangka Kawalan Dalaman dan bagi memudahkan rujukan, Buku Panduan Anti-Rasuah dan Penyelewengan

juga telah dilancarkan secara rasmi.

Sesi pertemuan bersama Unit Integriti dan Pengurusan (IGU) di setiap subsidiari telah diadakan secara berkala di mana forum ini memberikan peluang bagi setiap ahli untuk belajar dari antara satu sama lain dan bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengukuhan integriti.

Salah satu pencapaian utama pada tahun 2022 ialah pelaksanaan inisiatif Pengurusan Risiko Rasuah atau ‘Corruption Risk Management’ (CRM) di mana potensi risiko berkaitan rasuah di Terengganu Inc telah dikenal pasti dan diuruskan dengan baik serta pelaporan kepada Lembaga Pengarah secara berkala.

Inisiatif ini akan menjadi asas kepada pembangunan satu lagi polisi penting dalam memerangi penyelewengan dengan mewujudkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2023.



PERMAI HOTEL MENGORAK LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN AGAR DAPAT TERUS MENYAMPAIKAN PENGALAMAN PENGINAPAN TERBAIK KEPADA TETAMU YANG SABAN HARI KIAN MENINGKAT DI TERENGGANU.



PERMAI HOTEL ALAMI EVOLUSI PENGALAMAN BARU



Bermula pada September, proses pengubahsuaian Cahaya Restoran telah dijalankan dengan perubahan keseluruhan imej pada bahagian dalam premis. Berkonsepan moden kontemporari, ubah suai restoran kali ini bertujuan bagi mempromosikan produk-produk baharu dan menarik pelanggan dari pelbagai golongan usia untuk mengunjungi Permai Hotel.

“SEIRING DENGAN PEREDARAN MASA, GOLONGAN MUDA LEBIH MEMILIH MEDIA DALAM TALIAN ATAS FAKTOR IA LEBIH MENARIK DARIPADA MEDIA KONVENSIONAL. OLEH ITU, PERMAI HOTEL JUGA MENYASARKAN GOLONGAN MUDA SEBAGAI SALAH SATU PLATFORM PROMOSI RESTORAN SECARA TIDAK LANGSUNG ”

- Pengurus Besar Permai Hotel, Noralizan Abd Rahman.

Proses pengubahsuaian telah membuka peluang untuk pihak hotel bagi menggunakan sepenuhnya setiap ruang yang tersedia bagi mendapatkan pulangan yang lebih tinggi dari sebelumnya. Ianya termasuk dengan penambahan kemudahan seperti, bilik makan tertutup, bilik mesyuarat mini dan ruang rehat yang dilengkapi dengan hiasan serba moden.

Ruangan luar restoran juga telah dibangunkan dan diberikan nama Cahaya Terrace di mana ia memfokuskan hidangan ‘steamboat’ di tepi kolam. Konsep ruang terbuka telah diterapkan dengan penambahan bumbung bagi menempatkan sehingga 80 orang tetamu bagi satu-satu masa di tepi kolam renang.

Bagi kekal relevan dalam industri perhotelan, Permai Hotel telah memulakan kerja-kerja penukaran karpet di setiap bilik penginapan pada suku akhir tahun 2022.

Kerja-kerja penukaran telah dilakukan secara berperingkat bermula dari tingkat 1 bangunan sehingga tingkat 5.

Selain itu, pemasangan filem penapis haba juga telah dilakukan serentak sebagai langkah pencegahan dalam memastikan karpet baharu di setiap bilik mampu bertahan buat jangka masa yang panjang.



Dengan pembaharuan yang dijalankan oleh Permai Hotel, ia menunjukkan kesungguhan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan menjadikan Permai Hotel lebih kompetitif dalam industri perhotelan di Pantai Timur.

PRIMULA BEACH HOTEL MEMPERKASA PENJENAMAAN SEBAGAI HOTEL MESRA ALAM

“SEPANJANG TAHUN 2022, PRIMULA BEACH HOTEL KUALA TERENGGANU TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI INISIATIF PERNIAGAAN BAHARU SEBAGAI USAHA DAN STRATEGI MENINGKATKAN HASIL PENDAPATAN HOTEL SERTA MENGUKUHKAN JENAMA TERUTAMANYA SEBAGAI HOTEL BERTEKNOLOGI HIJAU”
- Pengurus Besar, Primula Beach Hotel, Suaibah Harun

Antara inisiatif dijalankan yang memberi impak besar kepada hotel dan juga industri pelancongan negeri seperti mempromosikan aktiviti alam sekitar ‘Zero Carbon’ bagi menggalakkan penglibatan kakitangan hotel, tetamu hotel dan pembekal untuk mengambil bahagian dalam amalan pengurusan persekitaran.

Ini termasuk penganjuran Program Kayuhan Berbasikal Primula Pink Ride berjaya menerima penyertaan lebih 800 peserta dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, Program Korban Perdana serta ‘Primula Fishing Challenge 1.0’, yang berjaya menarik ramai pemancing di seluruh negeri.



Di samping itu, Primula turut menggalakkan kakitangan agar peka terhadap persekitaran contohnya melalui latihan ‘Green Hotel Standard’ yang telah dilaksanakan pada 23 dan 24 November 2022 yang lalu.

Hotel bertaraf empat bintang tersebut turut menyahut sasaran kerajaan di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 termasuk mewujudkan kemudahan bersifat teknologi hijau melalui penyediaan stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV Charging Station).



Dalam memperkasakan pengaplikasian nilai ESG dalam perniagaannya, Primula juga melaksanakan penanaman sayur-sayuran menggunakan teknologi hidroponik dan fertigasi.

Kesan penjimatan kos sebanyak 40 peratus sejak ia mula diperkenalkan. Hasil tanaman sayuran seperti sawi, kailan, salad, timun dan pak choy yang dikutip diagihkan ke ‘kitchen department’ untuk kegunaan masakan.

Pada Oktober 2022, pemasangan Sistem Solar Fotovoltaik di atas bumbung bangunan Primula berkapasiti 315.5 kilowatt puncak (kWp) telah menjana kira-kira 402 ribu kilowatt jam (kWj) kapasiti solar setahun, memberikan penjimatan dalam anggaran lebih RM1.49 juta dalam jangka masa 21 tahun.

Sistem Solar Fotovoltaik yang dijanakan oleh sumber semula jadi ini dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida serta tahap penipisan lapisan ozon.



TERENGGANU INC MEMPERLIHATKAN KOMITMEN YANG JITU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA MELALUI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK YANG DILAKSANAKAN DI SELURUH NEGARA, BERMULA TAHUN 2021.

Sehingga Disember 2022, Terengganu berjaya mencapai prestasi yang sangat membanggakan dengan merekodkan sebanyak 706,341 pokok melebihi sasaran 410,816 pokok untuk tempoh dua tahun kempen sehingga 2022.

Kumpulan Terengganu Inc menyokong penuh hasrat ini dengan penanaman sebanyak 173,220 pokok, atau 25% dari jumlah pokok yang ditanam di seluruh negeri ini hasil kerjasama pelbagai anak syarikat di bawah Kumpulan sejak 2021.

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK: 173 RIBU POKOK DITANAM OLEH KUMPULAN TERENGGANU INC



Kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) turut diadakan melalui Program Penanaman Pokok dan Gotong Royong Pembersihan Pantai yang telah berlangsung pada Oktober 2022 di Pantai Telaga Papan, Setiu. Aktiviti penanaman pokok bakau turut diadakan bersempena dengan *Retreat Board of Directors*, Golden Pharos Berhad bertempat di Cherating Fireflies Sanctuary yang telah diadakan pada Disember 2022.

Primula Beach Hotel Kuala Terengganu juga mengambil penyertaan menerusi usaha menghijaukan premis pelancongannya bersama JPNT dengan penanaman 114 anak pokok pada November 2022. Usaha ini sekali gus telah meletakkan pengiktirafan kepada Primula Beach Hotel untuk dinobatkan sebagai '*Best 4 Star Eco Green Beach Front Hotel*' di Anugerah Industri Pelancongan Malaysia 2022.

Untuk tahun 2023, Kumpulan Terengganu Inc menetapkan sasaran lebih tinggi iaitu lebih 400,000 pokok bakal ditanam di Terengganu pada tahun ini dan usaha tersebut bagi menjayakan Kempen Penanaman 100 juta pokok 2021-2025.

Kumpulan Terengganu Inc sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menentang perubahan iklim selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs) iaitu matlamat 13 (Tindakan Iklim), 14 (Kehidupan dalam Air) dan 15 (Kehidupan di Darat).



Golden Pharos Forest Plantation (GPFP) dan Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn Bhd (KPKKT) adalah penyumbang terbesar di dalam kempen ini, dengan mencatatkan rekod 24 peratus dari jumlah pokok yang ditanam. Anak syarikat Golden Pharos Berhad (GPB) tersebut juga berperanan dalam menjalankan perniagaan berasaskan pengurusan hutan dan pengeluaran produk berasaskan kayu. TDM Berhad, GPQ Sdn Bhd, Primula Beach Hotel, Permai Hotel, dan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd juga turut bersama-sama dalam usaha kelestarian alam ini.





'TERENGGANU INC-UNISZA ISLAMIC INVESTMENT PROJECT' CAPAI HASIL POSITIF PADA TAHUN PERTAMA

PELBAGAI PENCAPAIAN TELAH DIHASILKAN PADA TAHUN PERTAMA PELAKSANAAN 'TERENGGANU INC-UNISZA ISLAMIC INVESTMENT PROJECT' BERSAMA UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA), YANG TELAH DIMETERAI MENERUSI MEMORANDUM PERSETUJUAN (MOA) BAGI KERJASAMA STRATEGIK DALAM PROJEK PELABURAN ISLAMIK.

Kolaborasi yang dikendalikan oleh pihak universiti awam tersebut selama tiga tahun sehingga 2024 melibatkan peruntukkan sebanyak RM300,000 dengan tumpuan kepada beberapa sub-sektor utama termasuk penyelidikan, pelantikan profesor pelawat, program CSR dan penerbitan.

Antara bidang yang diterokai melalui penyelidikan termasuk impak terhadap sektor perniagaan dalam Kumpulan Terengganu Inc dan kaedah untuk mengekalkannya kumpulan sebagai cabang pelaburan negeri yang mampan dan patuh syariah.

Dalam sub-sektor penyelidikan, *Shariah Governance Framework* adalah di antara produk yang berjaya dihasilkan di bawah kolaborasi ini. Ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri dalam meningkatkan penghayatan dan penguatkuasaan hukum agama Islam secara mendalam dalam pelbagai sektor termasuk bisnes, ekonomi dan pendidikan.



Menerusi rangka kerja tersebut telah ditubuhkan Jawatankuasa Syariah bagi memantapkan penerapan moral pematuhan Syariah. Jawatankuasa ini amat penting dalam menjalankan fungsi pengukuhan keyakinan orang ramai terhadap integriti, pengurusan dan operasi perniagaan Kumpulan Terengganu Inc.

Di samping itu, penganjuran Bicara Profesor bertajuk 'Dilema Pelaburan dan Pematuhan Syariah' di Dewan Perdana, UniSZA juga telah berlangsung dengan jayanya.

Sesi tersebut telah disampaikan oleh Dekan Institut Perbankan dan Kewangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Madya Datin Dr Rusni Hassan dan dihadiri oleh 200 peserta dari pelbagai latar belakang korporat dan akademik.

Ceramah tersebut telah memberi tumpuan kepada prinsip kewangan Islam dan pelaburan patuh syariah kepada Terengganu Inc dan anak-

anak syarikatnya, meningkatkan lagi pemahaman tentang kepentingan prinsip Islam dan pematuhan Syariah dalam kedua-dua perniagaan dan pelaburan.

Dalam sektor tanggungjawab sosial, Terengganu Inc turut menjadi rakan kolaborasi dalam program CSR oleh sukarelawan UniSZA seperti *Program Service Learning Malaysia-University For Society (SULAM)* UniSZA Batu Rakit. Program ini menggalakkan para pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat

Tahun pertama pelaksanaan projek ini memberi gambaran positif terhadap perkembangan pelaburan di Terengganu dengan komitmen kepada pematuhan syariah.

TAHUN 2022 MENYAKSIKAN LANGKAH BESAR OLEH TERENGGANU INC DALAM MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN NEGERI SERTA PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENERUSI PELABURAN BESAR DAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BERSAMA AGENSI NEGERI DAN SEKOLAH TEMPATAN.



YT-TI "YOUNG TALENT SCHOLARSHIP PROGRAMME" AND 'ADOPT A SCHOOL' WARNAI SEKTOR PENDIDIKAN TERENGGANU



Terengganu Inc bersama jabatan negeri, Yayasan Terengganu telah merintis peluang pendidikan pelajar cemerlang terutamanya daripada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dengan Program Biasiswa YT-TI 'Young Talent Scholarship Programme'.

Komitmen daripada anak-anak syarikat Kumpulan seperti TDM Berhad, Golden Pharos Berhad, GPQ Sdn Bhd, TI Properties Sdn Bhd, Chicken Cottage Limited serta Permodalan Terengganu Berhad telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 untuk biasiswa ini.

Biasiswa ini adalah khusus untuk pelajar-pelajar yang berkelayakan dan peluang kepada mereka untuk meneruskan pengajian peringkat tinggi dan mengurangkan beban kewangan. Pada tahun 2022, seramai 10 orang pelajar telah terpilih dengan lebih ramai lagi akan menerima manfaat ini pada pelaksanaan akan datang.

Program ini merangkumi pelbagai kos pendidikan seperti yuran pengajian,

elaun sara hidup, elaun peralatan dan buku serta pemberian peranti IPad. Biasiswa khas ini turut memfokuskan kepada lepasan jurusan relevan seperti Kepintaran Buatan (AI), Sains Data (Big Data), Undang-undang, Muamalat, Sains Kesihatan (Fisioterapi), Pengurusan Korporat dan Perladangan.

Tambahan lagi, Terengganu Inc turut melancarkan program sekolah angkat pertama dengan seramai 530 orang murid Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Mariam (SKTAM) mendapat manfaat di bawah 'Adopt A School Programme' bagi merealisasikan hasrat pembelajaran secara menyeluruh.

Salah satu inisiatif di bawah program ini ialah 'Go Green Activity', yang membantu membina semula taman botani SKTAM dengan kerjasama penanaman dan sumbangan pokok oleh lebih 50 kakitangan Terengganu Inc. Dalam masa yang sama, kakitangan Terengganu Inc turut menderma dan membaca buku Bahasa Inggeris kepada pelajar SKTAM bagi menggalakkan

penguasaan bahasa tersebut, selaras dengan matlamat 'Rapid English Programme'.

Program 'Adopt A School Programme' juga menawarkan kelas mingguan 'Karate Do Training', hasil kerjasama bersama Persekutuan Karate Terengganu, yang ditaja oleh Terengganu Inc untuk memupuk seni pertahankan diri di kalangan pelajar. Untuk pengetahuan, Pesuruhjaya Tinggi British Ke Malaysia, TYT Charles Hay telah melancarkan program pertama di bawah 'Adopt A School Programme' iaitu 'Rapid English Programme' pada 20 Jun 2022, yang bertujuan untuk memperkasakan bahasa Inggeris.

Melalui tiga projek tersebut, Terengganu Inc berharap program ini akan terus berkembang untuk memperkasakan anak-anak bukan sahaja dalam tema tertentu, tetapi merangkumi pembelajaran yang lebih holistik melalui ilmu pengetahuan yang relevan.





ZAKAT BERI HARAPAN BARU KEPADA ASNAF

TERENGGANU INC TELAH MENYALURKAN ZAKAT PERNIAGAAN SEBANYAK RM275,000 KEPADA GOLONGAN ASNAF, FAKIR, DAN PENERIMA LAYAK LAIN. PELAKSANAAN INI ADALAH SUATU BENTUK TANGGUNGJAWAB YANG MEMBUKTIKAN KECAKNAAN TERENGGANU INC DALAM MEMANFAATKAN PELABURAN UNTUK RAKYAT.

Sejak pertengahan tahun 2022, Terengganu Inc telah memulakan penyaluran zakat perniagaan kepada penerima zakat dalam masyarakat.

Antara sumbangan yang telah dibuat daripada jumlah tersebut adalah seperti pengagihan bantuan kepada warga asnaf, fakir dan ibu tunggal di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rhu Rendang. Sumbangan ini memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan bantuan dan dapat membantu meringankan beban hidup mereka.

Terengganu Inc juga menerusi inisiatif Jejak Ramadhan telah mengagihkan bakul makanan serta wang zakat kepada 50 keluarga asnaf di sekitar DUN Ajil. Sumbangan ini sangat penting terutamanya pada bulan Ramadan yang penuh berkat, di mana golongan asnaf memerlukan bantuan untuk mengatasi kesukaran

hidup yang mereka hadapi. Terdapat juga penerima layak yang mempunyai anak yang mengalami 'Cerebral Palsy' di Kuala Terengganu yang turut menerima sumbangan.

Dalam kesimpulannya, Terengganu Inc telah merealisasikan kebajikan berterusan terhadap masyarakat, bukan sahaja memperlihatkan bahawa syarikat tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata tetapi juga memikirkan kepentingan tanggungjawab zakat dan kebajikan masyarakat.





SIRI PERTAMA TERENGGANU INC CHALLENGE SERIES (TICS)

TARIK RIBUAN PENGUNJUNG KE TASIK TERBESAR



LEBIH 15,000 ORANG PENGUNJUNG TELAH MEMBANJIRI 'TERENGGANU INC CHALLENGE SERIES (TICS): TASIK KENYIR JET SKI CHAMPIONSHIP 2022' SEPANJANG TIGA HARI IA DIADAKAN PADA 28 JULAI 2022, MENANDAKAN PERMULAAN DAN SAMBUTAN BAIK TERHADAP ACARA BERPRESTIJ ITU SETELAH LEBIH SEDEKAD TIDAK DIANJURKAN.

"SAMBUTAN PENGUNJUNG AMAT POSITIF DALAM MENARIK RAKYAT TEMPATAN MENGENALI SUKAN 'JET SKI' DAN TASIK KENYIR SEBAGAI SATU PLATFORM UNTUK MEMPERKASA 'SPORT TOURISM'. LIMPAPAN EKONOMI JUGA DAPAT DIRASAI OLEH MASYARAKAT SETEMPAT. RAMAI PELANCONG TEMPATAN DAN LUAR NEGARA JUGA TERTARIK HASIL PENGANJURAN SUKAN JET SKI DI SAMPING PELBAGAI ACARA MENARIK BERLAINAN"
- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun



Jumlah pelawat ke Pulau Poh yang juga tuan rumah acara tersebut melebihi sasaran 9000 orang yang ditetapkan Kumpulan Terengganu Inc dengan tumpuan paling ramai tetamu pada acara permulaan kejohanan jet ski dan perhimpunan kereta wira.

Hasil juga diperoleh apabila pengunjung dan para peserta menggunakan kemudahan seperti restoran dan tempat penginapan di lokasi tempat sukan itu. Antara acara yang mendapat sambutan menggalakkan adalah 47 gerai jualan industri kecil dan sederhana (IKS) serta 17 'food truck', kelab kenderaan 'Wira Gathering' dan konvoi motosikal menerusi 'Geng Motor Ride' yang menarik 2,000 penggemar hobi permotoran itu.

Turut mendapat sambutan, pertunjukan burung eksotik, pertunjukan papan terbang 'Flyboard', pameran askar wataniah, Dikir Barat Sirat Astagina dan jamuan rakyat.

Menyentuh tentang hala tuju hadapan, Kumpulan Terengganu Inc menerusi platform Terengganu Inc Challenge Series bakal menjadikan menganjurkan 'International Golden Monsoon Ride' 2022 pada akhir tahun 2022, 'XCO and Fun Race Kenyir 2023' dan 'Kenyir Ultimate Trail Challenge 2023'.





KEMUNCAK KEJOHANAN BERBASIKAL TERENGGANU IGMR 2022 HADIR DALAM SKALA ANTARABANGSA!

TERENGGANU INC CHALLENGE SERIES (TICS) KEMBALI DENGAN KEJOHANAN BERBASIKAL 'THE INTERNATIONAL GOLDEN MONSOON RIDE 2022' (IGMR 2022) YANG MENDAPAT PERHATIAN BEBERAPA NEGARA DARI BENUA ASIA SEPerti INDONESIA, THAILAND DAN SINGAPURA.



IGMR 2022 dianjurkan oleh Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd (LRTSB) menerima penyertaan lebih dari 1,395 peserta tempatan dan antarabangsa berkumpul di Terengganu International Endurance Park (TIEP), Setiu pada 17 Disember 2022 untuk bertarung dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.


Terdapat Kategori Fun Ride dengan jarak 43 kilometer merentasi Kuala Nerus, Kategori 'Off-Road' dengan jarak 20 km dan 17 km di pergunungan Ladang Lembah Bidong, serta kategori baharu 'Mountain Bike' (MTB) yang lebih mencabar dengan 37 km laluan berbukit dan berbatu.

Acara ini didukung penuh oleh Kumpulan Terengganu Inc di bawah Terengganu Inc Challenge Series yang terdiri daripada TDM Berhad, Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad (EPIC Berhad), Golden Pharos Berhad (GPB) dan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU). Selain itu, Kejohanan ini juga mendapat sokongan dari Terengganu Polygon Cycling Team (TSG) dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Che Ku Mohd Izmuiddin Che Ku Mahmood, yang turut menyertai kejohanan ini.

Acara yang dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Tengku Seri Bijaya Raja, bersama Presiden dan Pengarah Eksekutif, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun dan Ketua Eksekutif LRTSB, Che Ku Hafeez Che Ku Denang turut berakhir dengan kemeriahan. Juara dan pemenang yang bertuah membawa pulang hadiah wang tunai sejumlah RM24,450 dan cabutan bertuah bernilai RM112,000.

Pemenang tempat pertama hingga ke-10 bagi setiap kategori masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai dan pingat. Sementara itu, cabutan bertuah menampilkan hadiah bombastik Perodua Myvi 1.3, serta dua motosikal Yamaha NVX dan Yamaha Y16 turut disediakan.

Dengan sokongan penuh Kumpulan Terengganu Inc, kejohanan berbasikal tahunan ini mampu memberi impak positif kepada pertumbuhan sektor ekonomi termasuk melonjakkan pelancongan di Terengganu.





TERENGGANU INC DAN TERENGGANU FOOTBALL CLUB BERSEPAKAT DALAM MISI KE ASIA



MENILIK KEMBALI KE TAHUN 2022, KUMPULAN TERENGGANU INC SEKALI LAGI MEMBUKTIKAN KOMITMEN TERHADAP MENINGKATKAN KUALITI SUKAN BOLA SEPAK DENGAN TAJAAN KALI KE-ENAM BERSAMA TERENGGANU FOOTBALL CLUB (TFC) BERNILAI RM1.6 JUTA.



Melalui penandatanganan perjanjian di antara TFC, Terengganu Inc dan anak-anak syarikat Kumpulan seperti Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad (EPIC), Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) dan Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd (LRTSB), pihak terlibat terus menzahirkan sokongan kepada Skuad Penyus tersebut dalam memburu gelaran Piala Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) 2023.

Penajaan tersebut tidak sahaja membakar semangat TFC untuk mempertingkatkan prestasi, tetapi juga membuka peluang-peluang pemasaran strategik bagi Terengganu Inc dan anak syarikatnya. Penyebaran jenama tersebut termasuk promosi logo penaja pada jersi, penjenamaan pada kit latihan rasmi pusat latihan, logo, iklan penaja di media sosial dan lain-lain lagi.

“DENGAN KUMPULAN TERENGGANU INC MENJADI PENAJA EMAS SKUAD INI, IA TURUT MEMBERI KEYAKINAN KEPADA PENGURUSAN DAN PEMAIN UNTUK MEMBERIKAN PERSEMBAHAN TERBAIK SEPANJANG SAINGAN MUSIM BAHARU. KAMI YAKIN PENAJAAN INI DAPAT MENDORONG PASUKAN MENINGKATKAN PRESTASI KESELURUHAN DALAM SAINGAN LIGA SUPER, PIALA MALAYSIA DAN PIALA FA” - Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Football Club (TFC) Sdn Bhd, Ab Rasid Jusoh

Sejak tahun 2017 sehingga kini, Terengganu Inc serta anak-anak syarikat Kumpulannya berkeyakinan bahawa TFC akan mengharumkan nama Terengganu dan Malaysia, serta menaikkan nama Kumpulan Terengganu Inc di mata negara dan rantau Asia.

SUKAN-SUKAN KUMPULAN TAHUN 2022



KMI SPORTS FORUM & CYCLE IN SYNC WITH TSG



LIGA SUKAN EPIC 2022





SUKAN JALINAN MUHIBBAH 2022



SUKAN KUMPULAN GPB 2022





TERENGGANU INC PERKASA TSG, PERTAHAN GELARAN TERBAIK ASIA

TERENGGANU INC BERADA DI PENCAPAIAN TERTINGGI BERSAMA TERENGGANU POLYGON CYCLING TEAM (TSG) UNTUK MEREALISASIKAN TAJAAN BERNILAI RM2 JUTA BAGI TAHUN 2022, DEMI MENINGKATKAN MOMENTUM UNTUK BERSAING PADA MUSIM 2023, TERUTAMANYA MEMPERTAHAKAN GELARAN TERBAIK DI BENUA ASIA.

Bersama-sama TDM Berhad dan Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare), tajaan yang dimeterai menerusi perjanjian pada Ogos 2022, akan membantu meningkatkan prestasi dan membantu kemajuan serta keunggulan TSG.

Pada musim tahun 2022, sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan untuk memperkasakan jenama secara komprehensif dan memperkuat hubungan antara kedua-dua pihak.

Manakala pada musim tahun 2023, tajaan ini dinaikkan melihat kepada prestasi tinggi yang konsisten dan kedudukan pertama Asia dalam ranking Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) dengan menduduki tangga ke-31 terbaik dalam ranking dunia UCI (pada akhir tahun 2022).

Sebagai penaja, Terengganu Inc dan anak syarikatnya dapat mempromosikan jenama mereka melalui logo syarikat pada jersi, platform media sosial, bahan bercetak, cenderahati pakaian, barangan dan banyak lagi.

Sejak lapan tahun lepas sehingga kini, Terengganu Inc kekal optimis bahawa tajaan ini akan memacu TSG untuk mempertunjukkan saingan sengit dan mengharumkan nama Malaysia dengan mempertahankan emas pada Sukan SEA 2023 di Kemboja.

Tajaan yang memasuki tahun kelima tersebut itu telah berjaya meletakkan nama Terengganu di persada dunia.

“TERENGGANU INC BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN DITUNJUKKAN TSG, SEKALI GUS MELETAKKAN NAMA SYARIKAT BERKENAAN DI PETA DUNIA DENGAN KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN YANG DILAKAR. KITA TURUT MENELITI PROSPEK PERNIAGAAN BERSAMA RAKAN PENAJA LAIN SEPERTI SHIMANO DAN POLYGON YANG MEMBERI PULANGAN KEPADA NEGERI TERENGGANU,”

- Presiden dan Pengarah Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun,

